

Kesidang, Kenanga

OLEH ADNAN ABD. JAMIL

M2682/08



Pokok kesidang mengeluarkan bunga berjambak di hujung ranting.



Bunga kesidang.

Pokok kesidang berasal dari Pulau Jawa. Di negeri utara Malaysia, kesidang dikenali dengan nama pokok bunga kerak nasi, manakala di pantai timur Malaysia dikenali dengan nama bunga tikam seladang. Di negara Barat, pokok ini dikenali sebagai *bread flower*. Nama saintifik bagi pokok dalam keluarga *Apocynaceae* ini ialah *Vallis glabra*. Kesidang sering menjadi penghias halaman dan pergola di taman.

Pokok kesidang berbatang keras dan berdaun seakan-akan daun sirih.

Bunganya berwarna putih dan berbau wangi seakan-akan bau pandan.

Sesekali, baunya seakan-akan bau nasi. Hal ini memungkinan namanya sebagai bunga kerak nasi, sementelah pula warnanya putih dan jambak bunganya seperti kerak nasi.

Bunga kesidang dijadikan salah satu ramuan dalam bunga rampai. Tepak sirih yang menjadi bahan dalam beberapa istiadat masyarakat Melayu turut dihiasi bunga kesidang. Gadis dan wanita Melayu menjadikan bunga kesidang sebagai hiasan sanggul.

Bunga kesidang yang putih bersih melambangkan kesucian dan kelembutan. Maka, dengan kehalusan dan kesesuaiannya dalam kehidupan orang Melayu, bunga kesidang dijadikan bunga rasmi bagi negeri Melaka yang penuh dengan adat istiadat dan resam budaya.


Cantik di halaman dan wangi di taman membuatkan kesidang digemari juga oleh kupu-kupu dan burung. Kesidang mudah tumbuh melalui keratan batang dan biji.



Pokok kenanga.

Kenanga termasuk dalam keluarga *Annonaceae*. Nama saintifik bagi kenangan ialah *Cananga odorata*. Ketinggian pokok kenanga boleh mencecah sehingga 20 meter. Namun begitu, jika ditanam di halaman atau dalam pasu dan sering dikawal pertumbuhannya dengan kaedah cantasan, pokok kenanga akan tumbuh rendah dan cantik dengan ketinggian sekitar dua meter sahaja. Pokok kenanga tumbuh melalui biji benih dan keratan batang.

Bunga kenanga berbau sangat harum. Bentuk bunganya panjang seperti helaian daun atau seperti kulit pisang yang dikupas. Warna bunga kenanga kuning kehijauan ketika muda dan berwarna kuning terang apabila kembang sepenuhnya. Perubahan aroma terapi



Bunga kenanga yang kembang sepenuhnya.

menggunakan ekstrak bunga kenanga untuk menenangkan jiwa. Bunga kenanga digunakan untuk melegakan kekejangan, menurunkan tekanan darah, dan melancarkan kitaran haid. Bagi kosmetik, bunga

kenanga dapat menggalakkan pertumbuhan sel baru, mengurangkan garis penuaan, mengatasi masalah kulit kasar dan berminyak, merawat jerawat, menghilangkan kelemumur dan menggalakkan pertumbuhan rambut.



Bunga kenanga telah dibuktikan berkesan bagi melegakan demam dan selsema oleh masyarakat Melayu dahulu. Caranya, masukkan bunga kenanga yang dikeringkan ke dalam segelas air panas yang mendidih dan tutup. Minum air itu setelah sejuk. Bagi menghilangkan rasa sesak nafas, bunga kenanga direbus dengan air dan gula pasir. Minum air rebusan itu setiap pagi dan malam.

Di halaman rumah, bunga kenanga berbau wangi dan menyegarkan, terutama pada waktu pagi. **DB**